

Dokumentasi/Documentation

Perkamusan Melayu Susunan Masyarakat Cina di Malaysia

YANG QUEE YEE

ABSTRAK

Rencana ini menilai sepintas lalu, selain mendokumentasi perkamusan yang dilakukan orang keturunan Cina di Malaysia lanjutan kepada kamus bahasa Maleyu yang telah diusahakan orang Cina di negeri Cina pada tahun 1403. Usaha itu didapati sudah bermula sejak tahun 1840an. Kini, jumlah kamus susunan itu cukup besar dan telah dibahagikan kepada kategori seperti kamus ekabahasa, dwibahasa, istimewa, sinonim, antonim, istilah dan lain-lain. Maklumat bibliografi kamus yang diperkatakan itu sudah dinyatakan dalam lampiran. Contoh muka depan dan juga beberapa halaman kamus itu juga diberi.

Kata kunci: Perkamusan Melayu, orang keturunan Cina di Malaysia, kamus ekabahasa, kamus dwibahasa, kamus istilah, kamus sinonim

ABSTRACT

This article provides a brief evaluation of the hundreds of the Malay language dictionaries compiled by the Chinese in Malaysia since the 1840s, following the effort made by the Chinese in China in 1403. They are categorized as monolingual, bilingual, multilingual, special, synonym, antonym and terminology dictionaries. Bibliographical information of the dictionaries documented are given in the appendix. Copies of covers and some pages of the dictionaries referred to are also included.

Key word: Malay dictionaries, Chinese descendants in Malaysia, monolingual dictionaries, bilingual dictionaries, multilingual dictionaries, special dictionaries, synonym dictionaries, antonym dictionaries, terminology dictionaries

PENGENALAN

Perkamusan adalah salah satu daripada bidang pengajian bahasa. Oleh itu perkamusan Melayu adalah juga salah satu bidang pengajian bahasa Melayu.

Dalam konteks itulah rencana ini cuba mendokumentasikan usaha perkamusan Melayu dalam masyarakat Cina di Malaysia dan bukannya keseluruhan perkamusan Melayu. Sehingga kini perkara itu belum pernah diberi perhatian dengan sewajarnya, walaupun sejarah perkamusan Melayu susunan orang Cina di Malaysia sudah bermula beberapa abad yang lalu, dan jumlah kamus sedemikian yang sudah diterbitkan juga sungguh mengagumkan (Lampiran 1).

Rencana ini dimulakan dengan memetik kata-kata dalam syarahannya yang bertajuk *Perkamusan Melayu: Satu Penilaian* (1987) Asmah Haji Omar yang antara lain mengatakan:

Kamus Melayu yang paling awal yang pernah diketahui merupakan senarai Melayu-Cina, yang terdiri dari 482 kata entri yang dikumpulkan antara 1403M dan 1511M

Sebelum itu, Russell Jones (1984) dalam perkenalannya kepada *A Dictionary and Grammar of the Malayan Language*, telah menyatakan:

The earliest of all, not dated but believed to come from fifteen century Melaka, is a Chinese-Malay vocabulary containing 482 entries; it is written wholly in Chinese characters, which are employed both to give the Chinese word and for a transcription of the sound of the Malay word (Edwards and Blagden, 1930-2).

Minat terhadap perkamusan Melayu telah juga ditunjukkan Liang Liji yang pernah dilantik sebagai profesor pelawat di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) di UKM, dalam syarahan perdana beliau yang bertajuk *Bahasa Melayu di Zaman Empayar Melaka dan Dinasti Ming*. Perkara itu telah diuraikan beliau dengan lebih lanjut dalam buku beliau yang bertajuk *Lembaran Sejarah Gemilang: Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad ke-15* (1996: 90-130).

Walaupun ketiga-tiga sarjana tersebut telah memperkatakan perkamusan Melayu, tetapi mereka tidak memperkatakan usaha penyusunan kamus Melayu yang dilakukan pengkaji dan ahli bahasa Melayu keturunan Cina di Malaysia. Oleh itu, rencana ini cuba menyorot beberapa masalah yang dihadapi di sepanjang sejarahnya dari masa dahulu sehingga kini dengan harapan ia boleh memberi gambaran dengan lebih jelas mengenainya.

KAMUS EKABAHASA (MELAYU)

Sehingga kini, banyak kamus Melayu sudah diusahakan orang keturunan Cina di Malaysia. Namun, hanya sebuah kamus dalam kategori yang disebutkan dapat ditemu iaitu: *Kamus Titian Untuk Kanak-kanak* (1983), yang secara kebetulan adalah hasil kami suami isteri yang menggunakan nama samaran. Kurangnya kamus kategori ini barangkali disebabkan dua faktor: kerja memberi takrifan atau definisi kamus ekabahasa lebih sukar dibandingkan dengan kamus dwi atau nekabahasa yang sebahagian besar pentakrifannya boleh dibuat dengan terjemahan. Selain itu, prasangka negatif daripada penerbit dewasa itu terhadap

kebolehan orang keturunan Cina membuat kerja itu juga satu halangan yang menghamparkan. Tekanan psikologi itu kami rasai semasa mengusahakan dan menerbitkan kamus kanak-kanak tadi. Untuk mengelakkan prasangka itu, kami terpaksa menggunakan nama samaran. Namun, sambutan hangat yang kami terima selepas penerbitannya memberi keyakinan baru kepada kami untuk terus berusaha sehingga kini.

KAMUS DWIBAHASA

Kamus Melayu yang diperkatakan ketiga-tiga sarjana tadi ialah apa yang saya sebut sebagai Kamus Cina-Melayu Kuno (tanpa abjad Melayu) yang sudah mula diusahakan pada awal abad ke-15. Bahan perbincangan mereka dipercayai berasal daripada *Senarai Istilah Melaka* atau *Manlajia Guo Yiyu* susunan Morrison (1782-1834) iaitu seorang mubaligh British, dan telah dijadikan salah satu bab dalam buku *Ko Kwo Yi Yu*¹, yang mengandungi 10 jenis bahasa asing. Seluruh isi terjemahan Melayu dicatat dengan aksara Cina mengikut fonetik dialek Fujian (atau Hokkien), tanpa sepatah huruf Melayu. Kamus itu berbeza daripada *A Chinese Vocabulary of Malacca Malay Words and Phrases Collected Between A.D. 1403 and 1511(?)* yang telah diselenggarakan E.D. Edwards dan C.O. Blagden. Kamus ini diberikan maknanya dalam bahasa Inggeris, transkrip bunyi dialek Fujian dan disertai huruf ejaan Melayu Rumi. Sehingga kini, kamus ini belum ditemui walaupun di Republik Rakyat China setelah Liang Liji dan penulis berusaha untuk mendapatkannya. Beberapa tahun yang lepas, semasa melawat ke Beijing, penulis pernah berusaha untuk mencari kamus ini dari Perpustakaan Besar Beijing dan Perpustakaan Universiti Beijing. Hanya di bilik koleksi bahan-bahan kuno Universiti Beijing, terdapat *Ko Kwo Yi Yu* yang kononnya dimuat dalam 10 buah kotak indah buatan khusus, dengan muka kulit sebuah kotak itu dicatatkan *Manlajia Guo Yiyu*. Ketika diangkat, kotak itu terasa ringan, sebenarnya sudah tidak berisi; sedangkan kotak-kotak yang lain berisi penuh dengan tulisan kaligrafi Cina yang cantik. Setelah ditanya, pegawai pemelihara koleksi itu pun bingung dan kelu. Soalnya ialah mengapa hanya *Manlajia Guo Yiyu* diminati dan hilang dengan begitu sahaja?

Perkembangan yang menarik ialah penerbitan beberapa buah kamus Cina-Melayu ‘kuno’ yang dipercayai diselenggarakan oleh orang keturunan Cina tempatan, antaranya ialah seperti pada Jadual 1.

Daripada senarai dalam Jadual 1, *Malai Hua* (1849) adalah kamus Melayu yang paling tua selepas *Manlajia Guo Yiyu* (1403?) manakala, *Hua Yi Tongyu* (1883) yang terdiri daripada dua jilid, mengandungi sebanyak 2,840 perkataan itu adalah kamus yang paling baik. Walaupun kesemuanya disusun menurut fonetik dialek Cina yang berlainan, termasuk Fujian (Hokkien), Ke (Kek), Yue (Canton) dan Hainan (Hailam), tetapi masing-masing mempunyai ciri yang berikut:

JADUAL 1. Kamus Cina-Melayu kuno

Bil	Judul/ Terjemahan	Penyusun	Penerbit	Tahun	Tulisan	Fonetik
1	Malai Hua/ Perkataan Melayu	Tidak ada	Kurang jelas	1894	Cina	Dialek Guangdong
2	Tong Yi Xinyu/ Istilah Melayu Baru	Lin Heng-nan	Gu You Xuan Singapura	1877	Cina	Fujian
3	Hua Yi Tongyu/ Istilah Tionghua-Melayu	Li Qing-hui (penyunting)	Gu You Xuan Singapura	1883	Cina	Fujian
4	Tong Yu Jinliang/ Panduan Bahasa	Lin Cai-da	Ji Wen Zhai Singapura	1889	Cina	Fujian
5	Wulaiyou Tonghua/ Panduan Bahasa	Tanpa nama	Zheng Xing Shuhua Singapura	1926	Cina	Fujian
6	Malayu Yueyin Yiyi/ Perkataan Melayu	Tanpa nama	Zheng Xing Shuhua	Tidak dicatat	Cina	Guangdong
7	Zheng Keyin Yiyi Mulaiyou Hua/ Perkataan Melayu ke	Mu Tao & Ahmad	Kedai buku Zhi Chengh Singapura	1929	Cina	Ke
8	Zazhi Ce/ Kitab istilah	Tanpa nama	Kurang jelas	Tidak dicatat	Cina	Hainan
9	Qiongnan Yin-an Molaiyo Huayi/ Perkataan Melayu-Hainan	Tanpa nama	Kurang jelas	Tidak dicatat	Cina	Hainan

1. Kesemuanya kamus dwibahasa Cina-Melayu.
2. Tidak disusun mengikut huruf bahasa Melayu, baik Jawi atau Rumi.
3. Keseluruhan ejaan dan takrifan diberi dalam aksara Cina menurut fonetik dialek Cina yang berlainan.
4. Kesemuanya menggunakan sistem susunan istilah berkategori.
5. Kesemuanya diterbitkan di Malaya dan Singapura.

Dalam jangka masa yang panjang itu, sejak awal abad ke-15 ke tahun 1920-an, tidak ada perkembangan baru, kecuali diulang cetak. Oleh itu, sejarah kamus dwibahasa Cina-Melayu itu boleh dikatakan sudah berakhir setelah digantikan kamus Cina-Melayu moden dengan tarifan diberi dalam bahasa Melayu, sesuai dengan aliran masa perkembangan perkamusinan Melayu.

KAMUS CINA-MELAYU MODEN

Kecuali *Kamus Cina-Melayu*², susunan Huang Changhuai, tidak ada kamus lain, sama ada Cina-Melayu atau Melayu-Cina, diterbitkan dalam masyarakat

China di Malaya selama lebih kurang 30 tahun dari akhir tahun 1920-an hingga ke awal tahun 1950-an. Sebabnya ialah semua kegiatan pembelajaran bahasa dan penerbitan sudah terhenti dalam masa perang Jepun. Hanya pada sekitar tahun 1952, Paosikin menerbitkan *Kata-kata Melayu 2000 Buah* dan *Kamus Tionghoa-Melayu* (1929?). Perkara yang menarik pada kamus itu ialah bahagian bahasa Melayu dieja dengan huruf Rumi, walaupun ejaan Rumi masih belum luas digunakan dalam masyarakat Cina ketika itu. Perbuatan Pao memainkan fungsi besar di bidang perkamus Melayu. Walaupun kamus Pao itu dipinda secara langsung daripada *Kamus Bahasa Tionghoa-Indonesia* (1949), yang sudah disusunnya sebelum itu, tetapi karya tersebut tidak diselesaikan.


Selepas Perang Dunia kedua, penyusunan kamus Melayu bergiat kembali dan telah lahir banyak kamus Cina-Melayu di Malaya dewasa itu. Pada tahun 1959, Y.K. Lee (Lee Yu Kai), penerbit dan peniaga berasal dari Indonesia telah menerbitkan dua buah kamus. Masing-masing diberi nama *Kamus raya bahasa Tiongkok-Melayu* dan *Kamus Baharu Bahasa Tionghoa-Melayu* (1959). Kedua-duanya bercontohkan versi kamus Tionghoa-Indonesia yang diselenggarakannya sendiri. Apa yang kurang memadai ialah isi kandungan kamus itu kacau-bilau. Sementara itu, pada tahun 1961, perkembangan bahasa Melayu telah sampai ke peringkat yang baru dengan Chen Mong Hock, Zheng Son Hua dan rakannya berjaya menyusun *Kamus Bahasa Tionghoa-Melayu*. Kamus itu cukup hebat kerana isinya jauh lebih baik berbanding dengan kamus lain sebelumnya, sekalipun terdapat kelemahan dalam sistem susunan dan keterangan bahasa Melayunya. Sehingga kini, belum ada edisi baru untuk membaiki kelemahan itu, dan ini merupakan kerugian besar dari segi perkembangan leksikografi bahasa Melayu. Selain itu, Ong Chek Tin dan Chong Swee Huat juga telah melibatkan diri dalam usaha menyusun kamus Cina-Melayu dengan *Kamus Renkas bahasa China-Bahasa Malaysia*, susunan Ong (1975), dan *Kamus Umum Bahasa Tionghua-Malaysia* susunan Chong (1979). Kedua-dua kamus itu disusun menurut sistem ejaan baru, tetapi isi kedua-duanya itu didapat terlalu singkat. Selain itu, terdapat banyak kesilapan dalam kamus susunan Ong, termasuklah ejaan judul kamusnya.

Besarnya peranan kamus Cina-Melayu tidak dapat dinafikan dalam masyarakat Cina, lebih-lebih lagi masyarakat Melayu, daripada segi pembelajaran bahasa, kerana terdapat dua hingga tiga puluh ribu anak Melayu menuntut di sekolah Cina di seluruh Malaysia. Memikirkan itu, sebuah kamus Cina-Melayu yang baik dan lebih berisi sangat-sangat diperlukan.

KAMUS MELAYU-CINA

Kategori kamus Melayu-Cina umumnya disusun berselaras dengan keperluan masyarakat Cina yang berpendidikan aliran bahasa Cina.

Sejak tahun 1950-an, lebih daripada 20 buah kamus Melayu-Cina, besar dan kecil, telah disusun. Kamus-kamus itu mendapat sambutan baik dalam pasaran



GAMBAR 1. Kamus Melayu-Cina dalam bentuk kuno dan moden

setempat. Antaranya ialah *Malay & Chinese Dictionary* (1956) dan *Kamus Melayu-Tiongkok* (1956). Kedua-duanya diterbitkan dalam masa penjajahan British ketika bahasa Melayu belum diaduulatkan sebagai bahasa kebangsaan di Persekutuan Tanah Melayu. Selepas negara ini mencapai kemerdekaan, sebuah kamus kecil *An Abridged Malay-Chinese Dictionary (Romanised)* telah diterbitkan pada Disember 1957. Walaupun kecil bentuknya, namun isi dan keterangannya lebih baik berbanding dengan kedua-dua kamus lain sebelumnya. Perkembangan yang menarik ialah tahun kemerdekaan negara bukan sahaja telah membawa makna dari segi politik dan ekonomi, tetapi juga semangat baru kepada rakyatnya, termasuk pengajaran dan penerbitan dalam bahasa Melayu. Sehubungan itu, banyak kamus Melayu-Cina dalam beraneka bentuk telah disusun dan diterbitkan dalam masyarakat Cina, dari penghujung tahun 1950-an hingga ke 1960-an. Antaranya *Kamus Melayu-Tionghoa* (1958), susunan Lim Huan Boon telah mencatat rekod jualan yang paling tinggi dalam pasaran dewasa itu. Walaupun kamus Lim itu hanya sebuah kamus dwibahasa yang sederhana, tetapi disebabkan tarikh penerbitannya tepat pada masa perkembangan bahasa

Melayu dipopularkan, ia telah menjadi kamus rebutan sehingga dicetak berulang-ulang. Untuk memenuhi keperluan semasa, Lim pernah cuba menyusun kamus Melayu-Cina yang baru selepas itu, tetapi usahanya itu didapati kurang berjaya kerana kamus yang disusunnya itu bukan semakin baik dan berisi, melainkan semakin ringkas dan gabas. Faktor kegagalan Lim yang besar ialah beliau tidak memperbaiki kamusnya menurut Sistem Ejaan Bersama Bahasa Malaysia-Indonesia yang telah diisytiharkan sebagai ejaan rasmi di kedua-dua buah negara jiran itu.

Penyusun kamus Melayu-Cina yang sezaman dengan Lim ialah Lee Yu Kai. Beliau boleh dikatakan penyusun kamus yang pandai mengambil kesempatan dari segi komersial dengan menggunakan isi yang sama tetapi menghasilkan kamus dengan judul-judul yang berlainan. Daripada contoh itu, ternyata beliau terlalu mementingkan nilai komersial kamusnya sehingga mutunya sudah terkorban daripada segi susunannya tidak terpelihara, dari awal sampai ke akhir.

Sementara itu, masalah politik, ekonomi dan pendidikan yang dihadapi Malaysia antara pertengahan tahun 1960-an hingga ke awal tahun 1970-an telah menyebabkan kemerosotan bilangan kamus Melayu-Cina yang diterbitkan. Namun, ada penyusun kamus memanfaatkan keadaan lesu dan sepi itu untuk membuat persiapan bagi meningkatkan mutu kerja penyusunan. Oleh itu lahirnya *Kamus Umum Bahasa Malaysia* (1972) yang diusahakan bersama oleh Chan Meow Wah dan Yang Quee Yee. Projek penyusunan kamus itu mengambil masa 10 tahun terus-menerus yang dimulai dari awal tahun 1960-an. Penerbitan edisi pertamanya terserentak dengan pengisytiharaan Sistem Ejaan Bersama Melayu-Indonesia, edisi baru diterbitkan 16 tahun kemudian, iaitu pada 1988. Penyusunan kamus Melayu meningkat lagi selaras dengan sistem kurikulum baru sekolah rendah dan sebahagian kamus dwibahasa untuk pelajar yang banyak diterbitkan macam cendawan selepas hujan itu biasanya dinamakan kamus KBSR.


KATEGORI ANEKABAHASA

KAMUS INGGERIS-MELAYU-CINA


Serasi kamus Inggeris-Melayu ialah kamus Inggeris-Melayu-Cina. Dari senarai kamus dalam kategori nekabahasa, hanya *The Triglot Vocabulary-English, Malay, Chinese (Hok-kien, Hak-ka, Character)* mempunyai sifatnya yang tersendiri, walaupun tidak diketahui nama penyusunnya. Kamus ini menggunakan ejaan Rumi dan takrifan makna kata Melayu diberi aksara (Hanyu), Hokkien (Fujian) dan Hakka. Ia amat laris. Berdasarkan rekod cetakannya yang kelima pada keluaran tahun 1907, sebanyak 11,000 naskah sudah dicetak.

KAMUS MELAYU-CINA-INGGERIS

Seperti kamus Melayu-Cina, kamus Melayu-Cina-Inggeris ini juga mendapat sambutan baik. Sebahagian daripadanya, terutamanya kamus edisi murid-




GAMBAR 2. Muka depan kamus *The Triglot Vocabulary*:
 Keseluruhan ejaan dan tarifan diberi dalam aksara Cina mengikut fonetik Hokkien dan
 Hakka




GAMBAR 3. Dua buah Kamus Melayu-Cina moden dengan ejaan Rumi yang diterbitkan pada tahun 1956 dan 1957.



GAMBAR 4. Perkataan Melayu-Hainan



GAMBAR 5. Kiri: Perkataan Melayu ke atau Zheng Keyin Yiyi Mulaiyou Hua (1929)
Kanan: Perkataan Melayu Yue atau Melayu Yueying Yiyi



The image shows a page from a historical Chinese-English dictionary. The page is divided into two main sections, each containing a table of characters and their meanings.

Top Table:


我	那	爾	伊
我	那	爾	伊
那	那	那	那
爾	爾	爾	爾
伊	伊	伊	伊

Bottom Table:


大	中	小	前	後	假	辣	鹹	自	自
大	中	小	前	後	假	辣	鹹	自	自
大	中	小	前	後	假	辣	鹹	自	自
大	中	小	前	後	假	辣	鹹	自	自
大	中	小	前	後	假	辣	鹹	自	自

The tables list various characters with their meanings in Chinese and English. The characters are arranged in columns, with some characters appearing in multiple rows. The meanings are provided in Chinese characters and English phonetic transcriptions.

GAMBAR 6. Hua Yi Tongyu (1883). Contoh keseluruhan ejaan dan tarifan dalam aksara Cina



GAMBAR 7. Kata pengantar Senarai Istilah Melaka (Manlaja Guo Yiyu)



GAMBAR 8. Kamus yang disusun oleh Yang Quee Yee dan Chan Meow Wah (1988)

murid/ pelajar, rekod ulang cetak dan sirkulasinya tinggi sampai tidak diduga. Antara kamus yang terkenal dewasa itu ialah *Kamus Berguna Bahasa Melayu-Tionghoa-Inggeris* susunan Lu Po Yeh. Bentuk kamus itu sederhana, tetapi mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Oleh itu, ia mendapat sambutan baik sehingga berkali-kali diulang cetak. Setelah Lu Po Yeh meninggal, ia disunting semula oleh Chong Swee Huat pada tahun 1987, serta diberi nama baru sebagai *Kamus Tribahasa*. Sementara itu, sepanjang tahun 1960-an, Lim Huan Boon bersama pelajar-pelajarnya menyusun kamus Melayu-Cina-Inggeris dengan judul *Kamus Bahasa Melayu Kecil*. Dari tahun 1960 hingga 1971, kamus Lim telah diulang cetak sebanyak 22 kali. Pengedaran kamus itu berterusan buat beberapa masa selepas itu.

Laris atau tidak sesuatu kamus bergantung kepada dua faktor, iaitu isi kandungan dan masa penerbitannya. Sambutan hangat terhadap kamus kecil Lim itu sebahagian besar disebabkan faktor masa, kerana lowongan kamus yang lama tertinggal di antara pembaca-pembaca Cina itu membawa kesempatan baik kepada penyusunnya. Sayangnya kamus itu mengalami nasib yang serupa dengan *Kamus Melayu-Tionghoa* hasil susunan Lim yang lain, sehingga tidak pernah disemak kembali atau dipinda dengan seperlunya setelah diterbitkan.

Pada tahun 1973, muncul *Kamus Sari Ejaan Bersama* selaras dengan pengisytiharaan Sistem Ejaan Bersama Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia. Peristiwa itu menyebabkan kamus Lim diketepikan pembaca yang mencari kamus lain yang didapati lebih sesuai dan baik dengan peredaran zamannya. Selain itu di pasaran tempatan, terdapat juga *Kamus Am Terbaru Bahasa Malaysia*, susunan Cheng Song Huat dan Tan Ah Leong (1977) yang juga sangat popular di kalangan pelajar sekolah menengah. Selain itu, terdapat juga *Kamus Bahasa Malaysia-Tionghoa*, susunan oleh Lee Shao Long dan Yan Jia Tai (1981). Walaupun isinya sederhana, tetapi ia tidak asing bagi pengguna dalam masa kебelakangan ini. Sementara itu, antara kamus aneka bahasa yang paling baru ialah *Kamus Perdana* susunan Cheng Song Huat (1997) dan *Kamus Padu Terkini* susunan Lai Choy (1999).

KAMUS MELAYU-INGGERIS-CINA DAN CINA-MELAYU-INGGERIS

Kamus kategori ini kurang mendapat sambutan daripada pembaca, maka kurang menarik minat penerbit jika dibandingkan dengan kamus Melayu-Cina-Inggeris yang telah diperkenalkan tadi, walaupun perbezaan kedua-duanya terletak pada bahasa Cina dan bahasa Inggeris diputar-balikkan, dengan bahasa Melayu sebagai sakanya itu tetap tidak berubah. Sehingga kini, hanya terdapat beberapa buah kamus kategori itu dalam pasaran. Berpandukan sejumlah besar naskah yang terdapat dalam Lampiran 1, kategori kamus Cina-Melayu-Inggeris adalah yang paling lemah kedudukannya, seolah-olah tidak menarik minat penyusun dan penerbit.

KATEGORI ISTIMEWA

KAMUS SINGKATAN DAN AKRONIM

Memandangkan semakin banyak kata singkatan atau kependekan dan juga akronim bahasa Melayu dalam penulisan berita, suratkhabar dan makalah, kamus kategori ini amat diperlukan. Tetapi, perhatian di Malaysia terhadap kamus ini kurang berbanding dengan keadaan di Indonesia. Setakat ini, *Kamus Singkatan Bahasa Melayu* yang terbit pada tahun 1969 itu barangkali adalah kamus jenis ini yang terawal, selain satu-satunya kamus itu dalam rumpunan kamus Melayu.

KAMUS ISTILAH BARU

Daripada namanya, kamus jenis ini ternyata memuat istilah, sama ada pinjaman atau ciptaan dalam bahasa Melayu. Oleh sebab sifatnya yang khusus itu, tidak banyak perhatian diberi masyarakat Cina dalam penyusunan kamus ini. Sehingga kini Bahagian Perkamusan Dewan Bahasa dan Pustaka adalah badan yang paling rancak, bertahan dan banyak menerbitkan kamus itu. Dalam koleksi peribadi penulis ini, cuma terdapat tiga buah kamus itu: *Istilah Baru Bahasa Kebangsaan* (1964), *Kamus Istilah Baru Bahasa Malaysia* (1984) dan *Kamus Kata-Kata Pinjaman* (1984).

KAMUS SINONIM DAN ANTONIM

Menurut data yang ada, bilangan kamus kategori ini agak besar, walaupun yang dianggap memuaskan itu tidaklah banyak. Sebilangan besarnya berbentuk dwibahasa, Melayu-Cina, dan hanya sebilangan kecilnya berbentuk tribahasa. Sirkulasi kamus ini tidaklah sebaik kamus biasa, lebih-lebih lagi semenjak tahun 1970-an.

KAMUS SIMPULAN BAHASA DAN PERIBAHASA

Tidak kurang daripada 50 buah kamus ini dalam pasaran di Malaysia sejak zaman penjajahan Inggeris. Tetapi, bilangan yang diusahakan orang keturunan Cina amat kurang.

KAMUS KOSA KATA AGAMA

Kosa kata agama, dalam bahasa Melayu, terutamanya agama Budha, memang asing bagi pembaca Cina. Kebanyakan kamus itu diselenggara dan diterbitkan oleh persatuan agama Budha untuk diedarkan di kalangan penganut ugama itu. Terdapat dua buah kamus dalam kategori ini didapati isinya singkat, dan susunannya tidak rapi.

KAMUS ISTILAH CINA PERANAKAN

Adalah dipercayai keturunan Cina peranakan telah menguasai bahasa Melayu lebih awal daripada Cina totok atau zuriat mereka. Akan tetapi, kecuali *The Triglot Vocabulary, English, Malay, Chinese (Hokkien, Hakka, Character)* (1907) seperti yang telah dikatakan di permulaan rencana ini, bentuk dan isi susunannya kamus ini besar berkemungkinan telah diusahakan Cina peranakan, walaupun tidak ada catatan namanya. Selain itu, tidak ada kamus yang lain seumpama itu diusahakan peranakan Cina sehingga Baba Gwee Thian Hock dari Singapura menyusun sebuah kamus yang istimewa pada tahun 1993. Beliau telah mengumpulkan banyak kosa kata bahasa Melayu yang khusus dipertuturkan masyarakat keturunan Cina peranakan. Kamus itu telah diterbitkan dalam bentuk yang comel dengan nama *Mas Sepuluh*.

KESIMPULAN

Pada keseluruhannya, jumlah kamus yang dihasilkan oleh keturunan Cina di Malaysia dikatakan cukup banyak, tidak kira sama ada yang berbentuk kecil atau besar, aneka bahasa, lebih-lebih lagi sama ada kamus itu biasa atau istimewa. Kelainan bentuk kamus itu selaras dengan perubahan masyarakat dari masa ke masa. Dalam masa yang menjangkau hampir 600 tahun itu, sebahagian besar kamus itu didapati diterbitkan selepas tahun 1950-an. Mulai masa itu, kira-kira dua atau tiga buah kamus telah diterbitkan setiap tahun. Kehebatan penerbitan kamus Melayu di kalangan orang keturunan Cina di Malaysia boleh juga diukur daripada segi bilangan orang yang terlibat, walaupun mereka patah tumbuh hilang berganti kerana jarang ada yang berterusan.

LAMPIRAN 1. Senarai Kamus Bahasa Melayu Susunan Keturunan Cina Menurut Kategori

Bil.	Judul	Penyusun	Halaman	Format	Tarikh Keluar	Penerbit
1.	Kamus Melayu Tertua			cm		
1.1.	Manlajia Guo Yiyu atau Senarai Istilah Negeri Malaka	—	—	—	1403	—
2.	Kategori Ekabahasa (Melayu)					
2.1.	Kamus Titian untuk Kanak-kanak	Titian Syah	339	15 x 21.5	1982	Eastview & Pan Pacific
3.	Kategori Dwibahasa					
3.1.	Kamus Cina-Melayu Kuno (tanpa abjad Melayu)					
3.1.1.	Malai Hua (Perkataan Melayu)	—	—	—	1849	—
3.1.2.	Tong Yi Xinyu (Istilah Melayu Baru)	Lin Heng-nan	—	—	1877	Guyou Xuan
3.1.3.	Hua Yi Tongyu (Istilah Tionghua-Melayu)	Li Qing-hui	244	13 x 19	1883	Guyou Xuan
3.1.4.	Tong Yu Jinliang (Panduan Bahasa)	Lin Cai-da	—	—	1889	—
3.1.5.	Wulaiyou Tonghua (Istilah Melayu)	—	36	13.5 x 20	1926	Zheng Xin
3.1.6.	Malayu Yueyin Yiyi (Perkataan Melayu-Yue)	Feng Zhao Niang	78	8.5 x 13	—	Zheng Xin
3.1.7.	Zheng Keyin Yiyi Mulaiyou Hua (Perkataan Melayu-Ke)	Mu Tao, Ahmad	76	8.5 x 12.5	1929	Zhi Zheng
3.1.8.	Zazhi Ce (Kitab Istilah)	—	39	13 x 19	—	—
3.1.9.	Qiongnan Yin-an Molaiyou Huayi (Perkataan Melayu-Hainan)	—	24	14 x 20	—	—
3.2.	Kamus Cina-Melayu Modern					
3.2.1.	Kamus Cina-Melayu	Huang Changhuai	?	—	1929(?)	Universiti Jinan
3.2.2.	Kata-kata Bahasa Melayu 2000 buah	Paosikin	106	9.5 x 12.5	1951	Pustaka Inma
3.2.3.	Kamus Tionghoa-Melayu	Paosikin	493	13.5 x 19.5	1952	Pustaka Inma

3.2.4. Kamus Raya Bahasa Tiongkok-Melayu	Lee Yu Kai	409	12.5 x 17.5	1959	Cathay Press
3.2.5. Kamus Baharu Bahasa Tionghoa-Melayu	Lee Yu Kai	330	6.5 x 9.5	1959	Cathay Press
3.2.6. Kamus Bahasa Tionghoa-Melayu	Chen Mong Hock dll	1750	13 x 18.5	1961	Shanghai Book Co.
3.2.7. Kamus Renkas ³ Bahasa China-Bahasa Malaysia	Ong Chek Tin	498	9 x 13	1975	Silat Press
3.2.8. Kamus Umum Bahasa Tionghua-Melayu	Chong Swee Huat	441	10 x 14.5	1979	Pustaka Umum
3.3. Kamus Melayu-Cina					
3.3.1. Malay & Chinese Dictionary	Yao Chi & Dollah	234	7 x 12.5	1956	Xia Yelun
3.3.2. Kamus Melayu-Tiongkok	Zhong Ming	220	6.5 x 9.5	1956	Ma Lian
3.3.3. An Abridge Malay-Chinese Dictionary	Liu Gong Gui	272	7 x 10	1957	Kaimin
3.3.4. Kamus Melayu-Tionghoa	Lim Huan Boon	661	13 x 18	1958	Shanghai Book Co.
3.3.5. Kamus Melayu-Tionghoa & Tionghoa-Melayu	Yi Jin Xiang	140	9.5 x 13.5	1958	Zui Xin
3.3.6. Kamus Melayu-China	Ye Feng	432	8.5 x 12.5	1958	Persatuan Pengkajian Melayu-Tionghua
3.3.7. Kamus Raya Bahasa Melayu-Tionghoa & Tionghoa-Melayu	Lee Yu Kai	1029	12.5 x 18	1959	Chay Press
3.3.8. Kamus Raya Bahasa Melayu-Tiongkok	Lee Yu Kai	1018	12.5 x 18	1959	Chay Press
3.3.9. Kamus Berguna Bahasa Melayu	Loo Mun	94	13.5 x 20	1963	Nanyang
3.3.10. Kamus Melayu-Tionghoa untuk Sekolah Rendah	—	140	12.5 x 18.5	1971	Far Eastern
3.3.11. Kamus Umum Bahasa Malaysia	Yang Kui Yee, Chan Meow Wah	1557	13.5 x 21	1972	The World Book Co.
3.3.12. Kamus Melayu-Tionghua untuk Murid-murid	Chong Yock Sin	166	12.5 x 18.5	1975	Far Eastern
3.3.13. Kamus Bergambar Bahasa Malaysia-Tionghua	Tan Soong Hua	1318	10 x 15	1982	Pan Malayan
3.3.14. Kamus Titian untuk Kanak-kanak	Yang Kui Yee, Chan Meow Wah	435	15 x 21.5	1983	EP&PP
3.3.15. Kamus Kini	—	392	9.5 x 13	1983	Pustaka San Ming
3.3.16. Kamus Pelajar Bergambar	—	101	19 x 26	1984	Shanghai Book Co. & China Press
3.3.17. Kamus KBSR Tahap Satu	Chia Oai Peng, Awang Saryan	214	22 x 28	1984	Fajar Bakti

3.3.18.	Intisari Bahasa Malaysia KBSR	Soh Kwi Hoon dll	82	19 x 25.5	1987	Pan Earth
3.3.19.	Kamus Umum Bahasa Malaysia edisi pindaan	Yang Kui Yee, Chan Meow Wah	1357	16 x 24	1988	TWBC
3.3.20.	Kamus Bahasa Malaysia-China	Soh Kwi Hoon	118	8.5 x 10.5	1989	Pan Earth
3.3.21.	Kamus Bahasa Malaysia Baku KSBR	Wong Khek Seng, Tan Peik Lee	401	13.5 x 19	1989	Pustaka Mastika
3.3.22.	Perbendaharaan Kata Bahasa Malaysia (SK-SRJK) Tahun Satu-Lima	—	—	9 x 13	—	Hup Lick
3.3.23.	Kamus Asas Bergambar 1000	—	101	19 x 25	—	Pustaka Majujaya
3.3.24.	Kamus Bergambar untuk Kanak-kanak	—	34	19 x 25	—	Pustaka Ibu Kota Sdn Bhd
3.4.	Kamus Melayu-Inggeris dan Inggeris-Melayu					
3.4.1.	Kamus Baru Bahasa Melayu-Inggeris	Lee Yu Kai	448	13 x 19	1960	Cathay Press
3.4.2.	New Crown Dictionary of National Language	Lee Yu Kai	376	9 x 13	1963	Cathay Press
3.4.3.	Kamus Saku Bahasa Melayu-Inggeris	Lim Huan Boon	341	8.5 x 12.5	1964	Shanghai Book Co.
3.4.4.	New Crown Practical Dictionary of National Language	Lee Yu Kai	506	9 x 13	1965	Cathay Press
3.4.5.	Mapa Dictionary of National Language	Lee Yu Kai	315	9 x 13	1967	Mapa
3.4.6.	Kamus Sekolah Ejaan Baru	Meji Sulung	183	10.5 x 14	1974	Per cetakan Bersatu
3.4.7.	Kamus Sarian Ejaan Baru	Yang Kui Yee, Lim Chin Kiat, Chan Meow Wah	503	13 x 19	1975	Pustaka Umum
3.4.8.	Kamus Anda	Lew Hon Kim, Akexius Kok	234	15 x 23	1982	Heinemann Educational Books
3.4.9.	Kamus Asas Berita	Koh Boh Boon	221	19 x 25.5	1986	Berita Publishing
3.4.10.	Kamus Perwira	Kelana C.M., Lai Choy	1730	13 x 21.5	1998	Penerbitan Daya

4. Kategori Nekabahasa

4.1. Kamus Inggeris-Melayu-Cina

4.1.1. The Triglot Vocabulary, English, Malay, Chinese (Hokkien, Hakka, Character)

—

144

9.5 x 17.5

1907

Methodist Publishing House

4.2. Kamus Melayu-Cina-Inggeris

4.2.1.	Kamus Melayu (Chinese, English)	Y.T. Wu & D.F. Huang	412	10 x 14	1957	Chin Lee Co.
4.2.2.	Kamus Berguna Bahasa Melayu-Tionghoa-Inggeris	Lu Po Yeh	1066	10 x 17	1959	TWBC
4.2.3.	Kamus Bahasa Melayu Kecil	Lim Huan Boon	664	9.5 x 12.5	1960	Chong Hua Book Co.
4.2.4.	Kamus Bahasa Melayu-China-Inggeris	Yip Siew Cheng	210	13 x 19	1960	Yip Siew Chin
4.2.5.	Kamus Baharu Bahasa Kebangsaan	Yaung Chia Hua, Ou Yaung Chun	1209	10 x 17	1961	TWBC
4.2.6.	Kamus Melayu-Tionghoa-Inggeris Standar Yang Terbaru	Zhang Ping Liu	1519	9.5 x 15.5	1961	Educational Book Co. (H.K.)
4.2.7.	Kamus Bahasa Melayu	Chen Lin	497	8.5 x 13	1961?	The English Language Publishing Co (H.K.)
4.2.8.	Kamus Melayu-Tionghua-Inggeris	—	478	9.5 x 14	1965?	Shanghai Book Co
4.2.9.	Kamus Sari Ejaan Bersama	Yang Kui Yee, Lim Chin Kiat, Chan Meow Wah	653	9 x 12	1973	Pustaka Umum
4.2.10.	Kamus Bahasa Malaysia (Ejaan Baru)	—	263	13 x 18.5	1973	TWBC
4.2.11.	Kamus Melayu-Tionghua-Inggeris	—	203	12.5 x 18	1974	Shanghai Book Co
4.2.12.	Kamus Baru Bahasa Malaysia	Kelana C.M	500	9.5 x 12.5	1975?	Eastern Culture Publishers
4.2.13.	Kamus Dewasa Bahasa Malaysia	Yang Kui Yee, Lim Chin Kiat, Chan Meow Wah	581	14 x 20	1976	TWBC
4.2.14.	Kamus Umum Kecil	Chong Swee Huat	502	10.5 x 14.5	1977	Pustaka Umum
4.2.15.	Kamus Pelajar Bahasa Malaysia	—	283	10 x 15	1977	TWBC
4.2.16.	Kamus Am Terbaru Bahasa Malaysia	Cheng Song Huat, Tan Ah Leong	948	13 x 19	1977	Pustaka Umum
4.2.17.	Kamus Intisari Edisi Baru	Yang Kui Yee, Lim Chin Kiat, Chan Meow Wah	399	13 x 19	1979	TWBC

4.2.18.	Kamus Bahasa Malaysia-Tionghoa-Inggeris	Lee Shao Long, Yan Jia Tai	804	14.5 x 20.5	1981	Shanghai Book Co. & Sin Chew Jit Po
4.2.19.	Kamus Neka Bahasa Malaysia	Yuen Boon Chan	783	10.5 x 14.5	1984	TWBC
4.2.20.	Kamus Sari Edisi Pindaan	Yang Kui Yee, Lim Chin Kiat, Chan Meow Wah	868	9.5 x 12.5	1985	TWBC
4.2.21.	Kamus Bergambar KBSR-3M	—	156	18 x 26	1985	Format
4.2.22.	Kamus Bahasa Kebangsaan	—	312	19 x 26	1986	Federal
4.2.23.	Kamus Tribahasa	Chong Swee Huat	752	13 x 19	1987	TWBC
4.2.24.	Kamus Moden Bahasa Malaysia	Chong Swee Huat	469	9 x 13	1990	United Publishing House (M) Sdn. Bhd.
4.2.25.	Kamus Perdana	Cheng Song Huat, Lai Choy	1884	13 x 21	1997	United Publishing House (M) Sdn. Bhd.
4.2.26.	Kamus Padu Terkini	Cheng Song Huat, Lai Choy	1268	5 x 18.5	1999	United Publishing House (M) Sdn. Bhd.
4.3.	Kamus Melayu-Inggeris-Cina					
4.3.1.	Kamus Tiga Bahasa untuk Enam Berguna	Lee Yu Kai	584	9.5 x 12.5	1959	Kata Melayu
4.3.2.	Kamus Bahasaku I	Lee Yu Kai	64	13 x 19	1960	Cathay Press
4.3.3.	Kamus Bahasaku II	Lee Yu Kai	69	13 x 19	1960	Cathay Press
4.3.4.	Kamus Bahasa Malaysia-Inggeris-Cina	Sidang Pengarang	284	9 x 13	1989	Pustaka Yakin Pelajar Sdn Bhd ¹⁹
4.4.	Kamus Cina-Melayu-Inggeris					
4.4.1.	Kamus Kreatif KBSR Edisi Bahasa China	Yi Lin	141	19 x 26	1986	Kompas
5.	Kategori Istimewa					
5.1.	Kamus Singkatan					
5.1.1.	Kamus Singkatan Bahasa Melayu	Yang Kui Yee, Chan Meow Wah	201	1.5 x 17.5	1969	TWBC
5.2.	Kamus Istilah Baru					

5.2.1. Istilah Baru Bahasa Kebangsaan	Bu Li Lin	259	9.5 x 13	1964	King Hwa Book Co. (Batu Pahat) TWBC
5.2.2. Kamus Istilah Baru Bahasa Melayu	Yang Kui Yee, Chan Meow Wah	651	14.5 x 20.5	1984	
5.2.3. Kamus Kata-kata Pinjaman	Lew Teck Onn, Wijaya Arif	248	15 x 20	1984	Pustaka Wijaya
5.3. Kamus Sinonim dan Antonim					
5.3.1. Kamus Kata-kata Sa-rumpun Bahasa Melayu	Liauw Kian Djeo	263	10 x 17	1961	Shanghai Book Co. TWBC
5.3.2. Perkataan-perkataan Berlawanan	Liu Ming	60	13 x 18.5	1961	
5.3.3. Kamus Kata-kata Berlawanan, Inggeris-Melayu-Tionghoa	Yip Siew Cheng	129	13 x 19	1961	The Malay-Chinese- English Publishing House
5.3.4. Kamus Kecil Kata-kata Berlawanan Bahasa Melayu	Liong Chi Ting	123	11 x 18	1962	Shanghai Book Co.
5.3.5. Kamus Perkataan Sa-erti Bahasa Kebangsaan dengan Indeks Inggeris-Tionghoa	Yip Siew Cheng	360	13 x 19	1963	The Malay-Chinese- English Publishing House
5.3.6. Kamus Perkataan Sa-erti Melayu-Inggeris-Tionghoa dengan Indeks Inggeris	Yip Siew Cheng	360	13 x 19	1963	The Malay-Chinese- English Publishing House
5.3.7. Perkataan Sa-erti, Berlawanan, Penjodoh Bilangan & Peribahasa	Tang Li Bo	182	7 x 10	1969	Chee Sze Poh Press
5.3.8. Kamus Sinonim dan Antonim	Tan Ta Sen, Leo Suryadinata	342	13 x 19	1979	TWBC
5.3.9. Berlawanan/Perkataan Seerti Penjodoh Bilangan dan Peribahasa	—	152	7 x 9.5	—	Shao Nian
5.3.10. Perkataan Seerti Berlawanan Penjodoh Bilangan dan Peribahasa	—	128	7 x 10	—	Huaqiao Cidian
5.3.11. Comparative Dictionary of Malay-Indonesia Synonyms	Leo Suryadinata	486	14 x 22	1991	Times
5.4. Kamus Simpulan Bahasa dan Peribahasa					
5.4.1. Bidalan Melayu	Lim Huan Boon	128	13 x 19	1959	Shanghai Book Co.

5.4.2.	Perumpamaan Melayu					
5.4.3.	Kamus Simpulan Bahasa Melayu	Quek Kiat Liong Chi Ting	51 406	13 x 18.5 10 x 18	1959 1971	Wen Hai Maha Yuyi
5.4.4.	Simpulan Bahasa dan Peribahasa Melayu	—	192	13 x 19	1985	Pustaka Umum
5.5.	Kamus Kosa Kata Keagamaan	PBBM ²³	23	15 x 10	1989	Persatuan Belia Buddhis Malaysia
5.5.1.	Kamus Buddhis (Glosari)					Persatuan Sahabat Sedharma Malaysia
5.5.2.	Kosa Kata Buddhis	Piyasilo	86	13 x 19	1989	
5.6.	Kamus Istilah Cina Peranakan					
5.6.1.	Mas Sepuluh	William Gwee Thian Hock	315	13.5 x 21	1993	ARMOUR

NOTA

- 1 Buku itu kononnya tersimpan di Perpustakaan School of Oriental Studies, University College, London. Ejaan Mandarin yang standard bagi sebutan itu seharusnya Ge Guo Yi Yu.
- 2 Judul kamus ini terdapat dari judul-judul terbitan yang dilampirkan di hujung *Sejarah Huakiau di Nanyang* oleh Li Changfu. Kamus itu telah dimasukkan dalam terbitan bersiri yang ke-9 dan dinyatakan telah terbit pada tahun 1929 dan ditangani oleh Pengusahaan Kebudayaan Nanyang Universiti Jinan. Koleksi pemakalah ini belum mempunyai kamus itu. Oleh itu, bagaimana bentuk susunan dan isi kandungannya tidak diketahui. Catatan ini hanya sebagai rekod dokumentasi.

Yang Quee Yee
21, Jalan Mengkudu
577398 Singapore
e-mail: teetey@rocketmail.com